

# Omni memperkasakan pemilik perniagaan

[bisnessinar.com/omni-memperkasakan-pemilik-perniagaan](https://bisnessinar.com/omni-memperkasakan-pemilik-perniagaan)

June 15,  
2019



Dengan Omni pemilik perniagaan boleh mengendalikan panggilan talian tetap hanya menggunakan bantuan teknologi.

DIGI Telecommunications Sdn Bhd (Digi) giat membantu perniagaan daripada pelbagai jenis industri untuk meningkatkan tahap produktiviti menerusi Omni iaitu sebuah solusi menyeluruh bagi memenuhi keperluan urusan panggilan perniagaan.

Disokong oleh rangkaian 4G LTE berkualiti tinggi Digi, Omni membolehkan pemilik perniagaan membuat, menerima, mengurus panggilan telefon bersama penyambut tetamu maya menerusi nombor talian tetap tanpa sebarang telefon.

Omni yang diperkenalkan pada tahun 2018, telah dimanfaatkan oleh beberapa syarikat daripada industri kesihatan yang mengutamakan keperluan respon masa nyata.

Ketua Pegawai Digital Digi, Praveen Rajan berkata, dengan Omni pemilik perniagaan boleh mengendalikan panggilan talian tetap dengan bantuan teknologi tanpa perlu berasa khuatir kemungkinan hilang peluang perniagaan atau terlepas peluang untuk menjawab pertanyaan pelanggan.

“Ia dapat ditangani oleh pelbagai ciri fungsi Omni yang telah direka khas untuk membantu menguruskan perniagaan seterusnya menjana pertumbuhan syarikat,” katanya menerusi kenyataan.

Tambahnya, antara pengguna Omni yang terawal sejak April 2018 adalah MEDKAD iaitu sebuah sistem automasi inovatif yang menawarkan khidmat perubatan dan DoctorOnCall, sebuah platform konsultasi doktor dalam talian yang pertama dan terbesar di Malaysia.

Praveen berkata, Omni merupakan pilihan menghubungkan pengguna menerusi ruang bualan maya, telefon dan panggilan video.

“Omni meringkaskan proses bagi perniagaan seperti mengendalikan pertanyaan pelanggan serta membuat panggilan jualan luar sekali gus memperkasakan pemilik perniagaan dan tenaga kerja dalam memberi perhatian kepada pelanggan dan pertumbuhan perniagaan,” katanya.